

BH 20/12

Ringgit susut berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) semalam, jatuh ke paras terendah sejak 1998, reaksi kepada isyarat Rizab Persekutuan AS (Fed) yang membayangkan lebih banyak kadar faedah aka dinaikkan tahun depan, kata pedagang.

Pada jam 6 petang, ringgit didagangkan pada 4.4765/4795 berbanding dolar AS berbanding 4.4755/4795 penutup Jumaat.

Ringgit mencecah paras 4.71 berbanding dolar AS pada Januari 1998.

Ketua Strategi Pasaran FXTM, Hussein Sayed, berkata pasaran memantau ucapan Pengerusi Fed AS Janet Yellen berikutnya bagi menentukan pergerakan pasaran.

Isyarat Fed memberikan minat baharu dalam bon AS yang mana pulangan 10-tahun dan dua-tahun bon itu meningkat 45 peratus sejak pasca pemilihan Presiden AS 9 November lalu, katanya dalam satu kenyataan.

Ringgit didagangkan bercampur-campur berbanding mata wang utama lain.

Ia meningkat kepada 3.0892/0927 berbanding dolar Singapura daripada 3.1015/1058 Jumaat dan berkurangan berbanding yen kepada 3.8091/8127 daripada 3.7899/7959.

Ia susut berbanding pound British kepada 5.5773/5819 daripada 5.5568/5640 manakala menokok berbanding euro kepada 4.6762/6811 daripada 4.6823/6887.